


50

*PĒRIBAHASA*

*MĒLAYU*

*BĒRGAMBAR*



Harga 70 sen.



# PƏRIBAHASA *Melayu*

(Bergambar)

楊貴誼珍藏  
*Koleksi Yang Quee Yee*

Dengan erti-nya yang lengkap.

Di-susun dan di-karang  
Oleh:-

ABDUL JALIL HAJI NOOR.

---

Di-terbitkan oleh R. M. Yusoff Ahmad bagi pihak HARMY.  
di-cetak oleh Penerbit Melayu Ltd. 110, Jalan Lambak Kuala Lumpur J. 42/38



50

# PĒRIBAHASA MĒLAYU

(Cetakan kĕdua)

Buku "50 Pĕribahasa Mĕlayu" ini, ia-lah buku yang kĕdua dalam series pĕngĕtahuan bahasa pĕnĕrbitan HARMY. Buku pĕrtama Series Bahasa Army ia-lah buku "50 Pĕpatah Mĕlayu" yang tĕlah dua kali di-chetak dalam tahun 1958 jni juga.

Dĕngan tĕrbit-nya buku "50 Pĕribahasa Mĕlayu" cetakan kĕdua ini, kami mĕngambil kĕsĕmpatan mĕnguchapkan ribuan tĕrima kasih kapada guru-guru dan murid<sup>2</sup> yang tĕlah mĕgunakan buku-buku ini di-sĕkolah-sĕkolah mĕreka juga kapada pĕminat-pĕminat bahasa dan kĕsustĕraan Mĕlayu umum-nya.

Sambutan-sambutan yang baik dari sĕluruh para pĕmbacha itu hĕndak-nya mĕnjadi bukti yang nyata bahawa Bahasa Mĕlayu sudah layak mĕnjadi Bahasa Kĕbangsaan yang tunggal di-Tanah Mĕlayu yang tĕlah Mĕrdeka ini.

BAHASA JIWA BANGSA!

27 September 1958

Pĕngarang & Pĕnĕrbit.



## KANDONGAN-NYA:-

1. Anak di-riba di-lěpaskan.....
2. Děngar chěrita burong.....
3. Anjing di-těpok měnjungkit ekor
4. Anjing jika di-pukul sa-kali pun.....
5. Anjing biasa makan tahi.....
6. Ayam těrlepas tangan bau tahi.
7. Muka běr pandangan.....
8. Bagai chěmbul děngan tutup-nya.
9. Bagai parang burok.....
10. Bagai tikus měmbaikki labu.
11. Bagai timun děngan durian.
12. Bělakang parang di asah lagikan tajam.
13. Bagai bėliung děngan asahan.
14. Běrapa tajam pisau dan parang.....
15. Sa-panjang? tali.....
16. Burok? kayu gaharu.
17. Di-běri sa-jěngkal hěndak sa-hasta.
18. Di-běri bėtis hěndakkan paha.
19. Kěrbau di-pěgang pada tali-nya.....
20. Sapěrti kěrbau chochok hídong.
21. Kěrbau sa-kawan boleh di-kandang.
22. Laksana buntal pěrut bonchit isi kosong.
23. Lidah tidak běrtulang.
24. Mati sěmut kěrana gula.
25. Mati ikan kěrana umpan.

26. Ada gula ada-lah sēmut.
27. Mēmikul di-bahu, mēnjunjong di-kēpala.
28. Orang mēngantok di-sorongkan bantal.
29. Puchok di-chita ulam mēndatang.
30. Lēpas bantal ganti tikar.
31. Pēchah buyong tēmpayan ada.
32. Bunga bukan sa-kuntum .....
33. Pēpat di-luar rinchong di-dalam.
34. Bērapa panjang saroug.....
35. Pērigi mēnchari timba.
36. Rumah tērbakar tikus hābis lari.
37. Kawan kētawa banyak.....
38. Sapērti kachang lupakan kulit.
39. Sapērti pinang di-bēlah dua.
40. Sapērti tēlor di-hujong tandok.
41. Sapērti katak di-bawah tēmpurong.
42. Satu kapal dua nakhoda.
43. Si-buta kēhilangan tongkat.
44. Siapa makan lada dia mērasa pēdas.
45. Sudah jatuh di-timpa tangga.
46. Tēlunjok lurus kēlingking bērkait.
47. Tērlēpas dari mulut buaya.....
48. Ayer tēnang jangan di-sangka ta'ada....
49. Tolak tangga bērayon kaki.
50. Ular di-pukul biar mati.....





1

ANAK DI-RIBA DI-LEPASKAN  
KĒRA DI-HUTAN DI-SUSUI.

6



Berbuat baik yang tidak pada tempat-nya, ada-lah ibarat sa-orang ibu yang membiarkan anak-nya sendiri tidak di-susui, tetapi anak kera di-hutan pula yang di-susui-nya.

Pěrumpamaan ini juga di-ma'anakan bagi sa-sabuah kěrajaan yang membiarkan anak nēgēri-nya (bumi putēra-nya) tērbiar kěadaan hidup mēreka tērlunta<sup>2</sup>, sēdang orang asing yang hanya mēnumpang di-nēgēri itu di-layan dan di-jaga mēreka hingga kēhidupan mēreka lēbeh sēnang dan lēbeh mewah daripada bumi putēra nēgēri itu sēndiri.

Pěrumpamaan lain bėrkata:

2. DĒNGAR CHĒRITA BURONG,  
ANAK DI-PANGKU DI-LĒPASKAN.

Ērti-nya kėrana mēndēngar lėmak manis kata orang, pėkėrjaan orang di-buat tėtapi pėkėrjaan-nya sēndiri tidak di-indahkan.





### 3. ANJING DI-TÉPOK MĒNJUNGKIT EKOR.

Di-ibaratkan bagi orang yang tidak tahu bĕradab sopan, kalau di-hormati orang ia sĕmakin mĕngada<sup>2</sup> dan mĕnjadi sombong.

Atau sa-saorang apabila di-puji atau dapat pangkat ia tĕrus mĕrasa mĕgah dan sombong, mĕnunjokkan orang itu tidak ada budi bahasa dan tidak layak mĕnĕrima pujian atau pangkat yang di-bĕrikan kapada-nya itu.

Di-katakan juga:

ANJING DI-TĒPOK KĒPALA,  
MĒNJUNGKIT EKOR.





4. ANJING ITU JIKA DI-PUKUL SA-KALI PUN  
BERULANG JUGA IA KA-TÉMPAT  
YANG BANYAK TULANG.

Biar bagaimana baik hati sa-saorang yang biasa berbuat jahat itu, pada suatu masa kelak akan berbalek lagi ia melakukan kejahatan itu.

Përibahasa lain mēngatakan:

5. ANJING BIASA MAKA TAHU,  
TAK MAKAN DI-CHIUM-NYA JUGA.  
ANJING MĒNGULANGI BANGKAI.



## 6. AYAM TERLĒPAS TANGAN BAU TAHI.

Di-umpamakan bagi sa-orang yang baharu bĕrniat jahat, bĕlum pun dapat ia mĕlakukan niat-nya yang jahat itu, tiba<sup>2</sup> niat jahat-nya tĕlah di-kĕtahui orang, akibah-nya ia-lah malu yang tidak bĕrkĕsudahan.


Di-katakan juga:

## 7. MUKA BĒRPANDANGAN, BUDI KĒDAPATAN.

MUKA BAGAI DI-TAMPAL KULIT BABI.

MUKA TĒBAL MACHAM TEMBOK.






## 8. BAGAI CHĒMBOL DĒNGAN TUTUP-NYA.

Di-ibaratkan kapada dua orang sahabat yang sa-ia dan sa-kata dalam sĕgala pĕrkara, atau dua suami istĕri yang hidup-nya rukon dan damai.

Dan di-umpamakan juga bagi kĕlakuan dua suami istĕri yang kĕrap bĕrtĕngkar bĕrgadoh atau sama mĕlakukan kĕlakuan<sup>2</sup> churang.




### 9. BAGAI PARANG BUROK TALI SABUT TIDAK TĒRGOLOK.

Pěrumpamaan bagi sa-orang yang tĕlah tua dan tidak ada daya upaya untok bĕkĕrja lagi, maka umpama-nya ada-lah sapĕrti parang yang tĕlah burok dan tidak tĕrpakai lagi, kĕrana untok mĕnĕtas tali sabut pun tidak tĕrdaya lagi.



Pepatah tersebut di-umpamakan juga bagi sa-saorang ketua atau sa-orang yang berpangkat tiba2 terlucut dari jawatan-nya itu, kalau dahulu ia sangat di-hormati orang kerana pangkat dan derjat-nya tetapi kini... tidak siapa ambil tahu dan mēmpērdulikan dia lagi.




## 10. BAGAI TIKUS MĒMBAIKKI LABU.

Sa-suatu pĕrkara jika di-sĕrahkan kapada orang yang bukan ahli-nya, maka tunggu sahaja kĕbinasaan-nya. Dĕmikian satu sabda Nabi yang bĕrhampiran ma'ana-nya dĕngan pĕpatah ini.

Ērti-nya, sa-suatu pĕrkara itu hĕndak-lah di-sĕrahkan kapada orang yang tahu dan bijaksana dalam pĕrkara itu, jangan-lah di-sĕrahkan kapada sĕbarang orang. Kalau tidak kĕna pada orang-nya tĕntu rusak binasa.





II. BAGAI TIMUN DENGAN DURIAN,  
MĒNGGOLEK LUKA KĒNA GOLEK  
PUN LUKA.

Tidak guna mĕlawan orang kaya atau orang yang bĕrpangkat. Walau macham mana bĕnar atau bĕtul orang mĕlawan-nya tĕtapi kalau ia itu orang mĕskin kalah juga oleh orang kaya atau orang bĕrpangkat. Kĕrana dĕngan kĕkayaan atau dĕngan kĕrana pangkat sa-saorang itu dapat mĕngabui ramai dan mĕngalahkan lawan-nya.





## 12. BĒLAKANG PARANG DI-ASAH LAGIKAN TAJAM.

Bĕlakang parang itu di-umpamakan kapada satumpol2-nya otak manusia untok mĕnĕrima sa-suatu pĕlajaran, tĕtapi kalau sĕlalu mĕnĕrima pĕlajaran2 itu akan tajam juga fikiran-nya dan lambat laun akan pandai juga.



Pěrumpamaan ini juga di-ěrtikan bagi sa-suatu fitnah dan asutan itu, kalau sělalü di-děngar dan di-lakukan orang, sědikit sa-banyak akan di-pěrchayai juga walau pun pada mula-nya orang yang měnděngar asutan itu tidak měmpěrchayai-nya.

Atau di-jadikan kiasan bagi orang yang měnjadi jahat pada hal asal-nya ia itu orang baik, mungkin kějahatan-nya itu kěrana sělalü měnděngar asutan<sup>2</sup> yang tidak baik dari orang lain, akhir-nya biar pun pada mula-nya orang itu baik, kěrana měnděngar asutan orang ia měnjadi jahat juga.

### 13. BAGAI BĒLIUNG DĒNGAN ASAHAN.

Kěrja sama dan tolong měnolong yang měnyěbabkan kědua<sup>2</sup> bėläh pehak sěntiasa běrdampingan, satu měngharapkan yang lain kalau tidak ada salah satu daripada kědua<sup>2</sup> barang itu tidak akan dapat di-gunakan.

Dēmikian-lah ibarat-nya bagi dua orang yang sěntiasa běkěrja sama dan sama2 sa-muafakat.

Pěrumpamaan ini juga di-ibaratkan bagi dua orang suami istěri atau sa-pasang měrpati yang sěntiasa běkaseh sayang, kědua2 měreka itu jarang běrěnggang, di-mana ada sa-orang ada-lah kědua-nya di-situ.

Sama juga děngan:

BAGAI KUKU DĒNGAN DAGING

BAGAI KUKU DĒNGAN ISI.

BAGAI AUR DĒNGAN TĒBING.





#### 14. BĒRAPA TAJAM PISAU DAN PARANG, TAJAM LAGI MULUT MANUSIA.

Pisau dan parang itu memang tajam, tĕtapi ada kala-nya pĕrkataan yang di-ucapkan oleh sa-saorang itu boleh mĕnyakiti hati orang lain, dan rasa sakit di-hati orang itu sĕrasa lĕbeh sakit daripada kalau hanya kĕna parang atau pisau yang tajam.

Di-ibaratkan juga sa-suatu përsëlisihan atau huru hara itu kadang<sup>2</sup> bërlaku-nya kërana mulut manusia yang chëlupar dan tidak dapat mëngawal mulut-nya sëndiri.

LIDAH MANUSIA  
LÈBEH TAJAM DARIPADA PÉDANG.

15. SA-PANJANG<sup>2</sup> TALI,  
PANJANG LAGI MULUT MANUSIA.

Sa-suatu bërita atau sa-suatu rahasia kalau sudah di-dëngar atau di-këtahui orang tidak boleh di-sëmbunyi<sup>2</sup>-kan lagi. Bërita atau rahasia itu akan sëgëra di-këtahui oleh orang ramai dëngan sa-këjap masa sahaja.





16. BUROK-BUROK KAYU GAHARU  
BILA DI-BAKAR BĒRBAHU JUGA.

Jangan mēnghina sa-saorang yang kēliha-  
tan saperti orang bodoh, ada kala-nya orang  
yang kita pandang bodoh itu-lah rupa-nya mēm-  
punyai kēpandaian yang tidak di-sangka2.

Kiasan bagi orang yang menyembunyikan  
kěpandain-nya, hanya bila waktu těrděsak baharu  
orang tahu bahawa ia sa-orang yang běrkěpan-  
daian.

Pěrumpamaan lain měnyěbut:

KAYU GAHARU,  
BILA DI-BAKAR BAHARU BÉRBAU.

Sama juga děngan pěrubahasa:

HARIMAU MěNYěMBUNYIKAN KUKU.





17. DI-BĒRI SA-JĒNGKAL  
HĒNDAK SA-HASTA.

Di-ibaratkan bagi sa-orang yang bĕrsifat tama' dan haluba. Sa-orang yang tidak sadarkan diri, di-bĕri sadikit hĕndakkan banyak dan hĕndak lĕbeh lagi.

Sama dĕngan pĕpatah:

18. DI-BĒRI BĒTIS HĒNDAK PAHA.  
"SAPĒRTI BĒLANDA MINTA TANAH".



19. KĒRBAU DI-PĒGANG PADA TALI-NYA  
MANUSIA DI-PĒGANG PADA JANJI-NYA.

Sa-saorang manusia dapat di-kĕtahui baik atau tidak sifat dan pĕndirian-nya daripada janji.

Kalau tĕpat ia mĕmĕgang janji, bĕrĕrti bahawa orang itu sa-orang yang baik budi dan patut di-hormati, tĕtapi sĕbalek-nya kalau orang itu tidak pĕrnah mĕnĕpati janji, bĕrĕrti ia sa-orang yang rĕndah budi-nya.



Akibat janji yang tidak di-těpati, orang itu di-anggap sa-orang pěmbohong dan pěndusta dan tidak boleh di-pěrchayai.

Dalam Hadith Nabi běrsabda: Bahawa tanda munafik itu tiga; orang yang tidak boleh di-pěrchayai, orang yang pěmbohong dan pěndusta dan orang yang mungkir janji.

## 20. SAPĒRTI KĒRBAU CHOCHOK HIDONG.

Di-ibaratkan kapada sa-orang tolol yang měngikut tělunjok orang lain děngan tidak usul pěriksa lagi.

Pěrumpamaan ini juga di-gunakan untok sa-orang suami yang takutkan istěri-nya dan měnurut apa sahaja kěmahuan istěri-nya.

21. KĒRBAU SA-KAWAN  
BOLEH DI-KANDANG  
MANUSIA SA-ORANG  
TIADA TĒRKAWAL.

Pĕribahasa ini kĕrap di-ucapkan oleh orang tua<sup>2</sup>, mĕmbayangkan bagaimana susah-nya mĕmĕlihara dan mĕnjaga sa-orang anak gadis rumaja, mĕnjaga supaya nama baik sa-kĕluarga jangan tĕrchachat kĕrana kĕlakuan gadis itu.

Apatah lagi kalau anak gadis itu tidak mĕnurut kata orang tua-nya, pada mĕreka lĕbeh baik mĕnjaga kĕrbau sa-kandang daripada mĕnjaga sa-orang anak gadis yang ta' mĕngikut kata.

Pĕpatah ini juga pĕrnah di-jadikan pĕrumpamaan, sĕpandai<sup>2</sup> manusia ada juga bodoh-nya, ia boleh dan pandai mĕnjaga kĕrbau sa-kandang, tĕtapi ia tidak dapat mĕna'lokkan hati sa-orang manusia lain untok mĕngikut kĕmahuan-nya.



22. LAKSANA BUNTAL  
PÉRUT BONCHIT ISI KOSONG.



Pěrihal sa-orang yang sombong dan bėrlagak sapěrti orang pandai<sup>2</sup>, tėtapi tidak ada satu pun bokti yang mēnunjokkan ia itu orang yang bijak dan pandai.

Boleh juga di-umpamakan bagi sa-orang yang baharu ada sėdikit pėngėtahuan atau baharu mėmpunyai sėdikit harta, ia bėrlagak sapěrti orang bėrpėngėtahuan tinggi atau sapěrti sa-orang hartawan.





### 23. LIDAH TIDAK BERTULANG.

Kiasan yang sëlalu di-gunakan untok orang yang tidak përnah mënëpati janji. Dan kadang-kadang di-kiaskan bagi orang yang pandai bër-chakap ta' bër-hënti-hënti ( ta' putus<sup>2</sup> ), tëtëpi sëgala apa yang di-chakapkan itu, tidak satu pun yang përnah di-lakukan-nya.

Pandai bër-chakap sahaja tëtëpi tidak pandai mëmbuat dan mêngërjakan-nya.

24. MATI SĒMUT KĒRANA GULA.





Sa-orang yang tērpēngaroh kērana lēmak manis dan pujok rayu.

Pēribahasa ini sēlalu di-gunakan bagi sa-orang yang kēras hati-nya tiba<sup>2</sup> ia lēmah dan kalah oleh sa-orang lain yang pandai mēngambat hati-nya dēngan kata<sup>2</sup> yang lēmak manis dan mērayu<sup>2</sup>.

Pērumpamaan ini juga di-tujukan bagi sa-orang pēmuda yang gugur iman-nya kērana jatuh chinta kapada sa-orang gadis atau wanita pada hal sabēlum itu sangat bēnchi mēmandang wanita.

Pēpatah lain yang sa-rupa dēngan ini:

25. MATI IKAN KĒRANA UMPAN

MATI MANUSIA KĒRANA BUDI.

## 26. ADA GULA ADA-LAH SĒMUT.

Di-mana sahaja ada gula tĕntu ada sahaja sĕmut yang mĕrubungi-nya. Dĕmikian-lah ibarat-nya bagi manusia yang mĕngĕjar kĕmewahan dan kĕma'amuran, di-mana sahaja mĕreka mĕndĕngar ada kĕmewahan dan kĕma'amuran di-sana-lah mĕreka pĕrgi.

Di-ĕrtikan juga bagi sa-orang kaya yang dĕrmawan dan bĕrhati baik pula, tĕntu banyak orang yang mĕngasehi-nya. Orang yang mĕndampingi-nya itu ada yang bĕnar<sup>2</sup> mĕngasehi dia, ada pula yang hanya kĕrana wang ringgit-nya.

Pĕrumpamaan ini juga di-gunakan bagi sa-orang yang ada mĕmpunyai anak gadis (pĕrawan), satingkat tĕntu ada pĕmuda<sup>2</sup> yang bĕrbuat<sup>2</sup> baik dan bĕrbudi kapada orang itu.





## 27. MĒMIKUL DI-BAHU, MĒNJUNJONG DI-KĒPALA.

Kalau hĕndak mĕmbuat sa-suatu pĕkĕrjaan itu hĕndak-lah dĕngan mĕngikut pĕraturan-nya, supaya pĕkĕrjaan itu sĕlĕsai dĕngan sĕmpurna dan jangan tĕrbĕngkalai dan sia<sup>2</sup>.

Kalau sa-suatu pĕkĕrjaan itu di-buat dĕngan tidak tĕratur kĕrana tidak mĕngikut aturan-nya kadang<sup>2</sup> pĕkĕrjaan itu mĕndatangkan bahaya bagi yang mĕngĕrjakan-nya.



28. ORANG MENGANTOK  
DI-SORONGKAN BANTAL.

Apa yang sedang di-chita2 atau di-idam2-kan oleh sa-saorang itu tiba2 dengan tidak sēmēna2 tērsedia untok ia mēndapatkan-nya. Ibarat-nya ada-lah saperti orang yang sedang mēngantok ingin hēndak tidor, tiba2 ada orang yang mēnyorongkan bantal, tēntu sahaja tidak di-lengah2-kan lagi.

Sama saperti pēpatah:


29. " PUCHOK DI-CHITA  
ULAM MENDATANG".



### 30. LĒPAS BANTAL GANTI TIKAR.

Sa-orang lĕlaki yang baharu kĕmatian istĕri-nya tiba2 di-minta oleh kĕluarga bĕkas istĕri-nya untok mĕngahwini adek ipar-nya atau kĕluarga bĕkas istĕri-nya yang tĕlah mĕniggal dunia, ini kĕrap bĕrlaku, konon-nya untok mĕngĕkalkan tali pĕrsaudaraan. Dan sĕlah di-sĕbut:

“ BĒRGANTI TIKAR ” sahaja.



### 31. PECHAH BUYONG TEMPAYAN ADA.

Pěrumpamaan bagi sa-orang yang kėhilangan sa-orang sahabat yang tidak baik budi pekėrtinya, tidak-lah mėnjadi kėrugian bagi-nya, kėrana dėngan tidak ada-nya kawan yang kurang bėrbudi itu moga<sup>2</sup> ada pula kawan budiman yang boleh mėnjadi sahabat baik kapada-nya.




Përibahasa ini juga di-gunakan untok suami atau istëri yang baharu bërchërai kërana masing2 itu tidak sësui dëngan yang lain. Jadi dëngan përchëraian itu mudah-mudahan masing2 akan dapat jodoh-nya yang sësui dan sa-faham.

Bidalan ini juga kadang2 di-gunakan oleh suami istëri yang sëdang bërbantahan2 dan hampir2 sama dëngan përumpamaan.

32.       BUNGA BUKAN SA-KUNTUM  
          KUMBANG BUKAN SA-EKOR.

33. PÉPAT DI-LUAR RINCHONG DI-DALAM





Bidalan bagi orang yang munafik, sëlalu mēnunjokkan fi'il atau kēlakuan yang baik pada hal ia bērkēlakuan jahat, suka mēnipu dan mēm-pērdayakan orang lain. Jadi fi'il atau kēlakuan-nya yang baik itu hanya untok mēngabui atau mēmpēngarohi orang lain supaya mēnyangka dia orang baik dan di-pērchayai, bila kēpērchayaan orang kapada-nya tēlah ada baharu-lah ia mēla-kukan pērbuatan<sup>2</sup> churang dan khianat.

Orang yang hidup-nya di-dunia pura<sup>2</sup> ini, sanggop ia mēngkhianati bangsa-nya sēndiri atau kēluarga-nya sēndiri untok kēpēntingan diri sēndiri.

### 34. BĒRAPA PANJANG SARONG BĒGITU-LAH PANJANG MATA-NYA.

Banyak atau sedikit-nya pēngētahuan sa-  
sorang itu dapat di-agak daripada kēlakuan  
dan budi pēkērti orang itu sēndiri.

Orang yang bērpērangai baik dan mēmbawa  
rēsmi padi bērērti ia sa-orang yang banyak  
ilmu pēngētahuan-nya, kērana ia sēmakin tundok  
sēmakin bērisi. tētapi orang yang sombong dan  
chakap bērdēgēr<sup>2</sup> mēnunjokkan orang itu tidak  
ada ilmu pēngētahuan kērana ia mēmbawa sifat  
“Tong Kosong”.





### 35. PĒRIGI MĒNCHARI TIMBA.

Sa-suatu pĕrkara yang mĕng'aibkan (mĕmalukan) yang di-anggap pada mula-nya mustahil tiba<sup>2</sup> bĕrlaku. Umpama-nya gadis mĕnchari suami.

Pada adat kĕbiasaan orang<sup>2</sup> kita pĕrkara ini sungguh mustahil bĕrlaku-nya, dan kalau bĕrlaku memang mĕnjadi suatu pĕrkara yang mĕng'aibkan.

Pada kĕbiasaan-nya timba-lah yang mĕnchari pĕrigi, tĕtapi tiba<sup>2</sup> pĕrigi yang tĕrkĕjar<sup>2</sup> mĕnchari timba. Bukankah ini suatu pĕrkara yang mustahil?





### 36. RUMAH TERBAKAR TIKUS HABIS LARI.

Përihal suatu pëngkhianatan dalam përsahabatan. Kalau hëndak tahu dan hëndak mēmbezakan mana sahabat baik dan mana sahabat churang, lihat-lah dalam sa-suatu kësusahan.


Përumpamaan ini di-maksudkan bagi sa-orang yang dahulu-nya banyak sahabat dan kawan kërana dia waktu itu kaya atau sënang, tiba2 di-waktu ia jatuh mësكين tidak ada sa-orang kawan pun yang mahü mërapati-nya apatah lagi mēmbantu-nya.



Përibahasa lain mēngatakan:

37. KAWAN KĒTAWA BANYAK,  
KAWAN MĒNANGIS SUSAH DI-CHARI.

Satiap orang yang kita kĕnal dan satiap orang yang kĕnal dĕngan kita itu-lah dia kawan atau sahabat. Kĕbanyakkan sahabat dan kawan itu hanya mahu bĕrkawan dan bĕrsahabat dĕngan kita kalau sama<sup>2</sup> dalam suka dan sĕnang, tĕtapi jarang sakali kawan dan sahabat yang mahu bĕr-sama-sama dĕngan kita dalam susah dan sĕnang kita, kalau ada memang itu-lah dia sahabat yang sĕtia.




38. SAPERTI KACHANG  
LUPAKAN KULIT.

Përibahasa bagi sa-orang yang lupakan asal usul-nya, tidak sadarkan diri-nya. Umpamanya orang itu asal-nya orang kēbiasaan dari ra'ayat jëlata, tiba2 bila ia tēlah bërangkat tinggi atau mējadi kaya, ia lupa pada asal-nya atau tidak mahu mēngaku bahawa ia bërasal dari orang2 kēcil.

Di-umpamakan juga bagi orang yang bëroleh kēsēnangan atau kēmewahan dēngan përtolongan sa-orang kawan-nya tiba2 bila ia tēlah sēnang kawan tadi di-musohi-nya.



Di-ibaratkan juga bagi sa-orang anak dĕrhaka yang tidak mĕngĕnang orang tua-nya, yang tĕlah mĕmbĕla-nya dari kĕchil dan mĕmbĕri pĕlajaran hingga ia bĕsar dan dewasa. Ibu bapa-nya di-biarkan mĕndĕrita di-masa tua-nya, sĕdang ia dalam kĕsĕnangan dan kĕmewahan.



### 39. SAPĒRTI PINANG DI-BĒLAH DUA.

Pĕrumpamaan bagi dua orang suami istĕri atau dua orang kĕkaseh yang sama sa-taraf dan sama chantek-nya. Tidak ada apa chachat chĕla bagi kĕdua mĕreka itu.

Sĕlalu di-gunakan bagi dua mĕmpĕlai yang sĕdang di-sandingkan di-pĕlamin sa-bagai raja sa-hari.





40. SAPĒRTI TĒLOR DI-HUJONG TANDOK.

Harap2 chĕmas, pĕrihal sa-saorang yang dalam kĕadaan bahaya atau dalam kĕsulitan, baik mĕngĕnai diri-nya sĕndiri atau mĕngĕnai sa-suatu yang di-harap2kan-nya tĕtapi tidak ada harapan pĕnoh.

Pĕribahasa lain-nya yang sĕrupa ini:  
SAPĒRTI NYAWA DI-HUJONG KUKU.  
JIWA BĒRGANTONG  
DI-HUJONG RAMBUT.  
SAPĒRTI BĒRGANTONG  
DI-RAMBUT SA-HĒLAI.






41. SAPĒRTI KATAK  
DI-BAWAH TĒMPURONG.

Kiasan bagi orang yang tidak luas pĕmandangan-nya atau orang yang tidak pĕrnah mĕlihat kĕadaan<sup>2</sup> di-lain tĕmpat, maka pada sangkaan-nya tĕmpat ia tinggal itu-lah tĕmpat yang luas dan indah, kĕrana ia tidak dapat mĕmbandingkan tĕmpat-nya itu dĕngan tĕmpat<sup>2</sup> lain sĕbab tidak pĕrnah di-lihat-nya.

Di-umpamakan juga bagi sa-orang yang mĕngada<sup>2</sup> dĕngan kĕpandaian yang ada sĕdikit pada-nya, pada hal orang lain yang lĕbeh banyak kĕpandaian-nya daripada dia tidak mĕngada<sup>2</sup> sapĕrti dia itu.





#### 42. SATU KAPAL DUA NAKHODA.

Ērti-nya dalam sa-suatu pěkərjaan itu akan mēnjadi kachau bilau kalau di-kětuai dan di-pěrintah oleh dua orang kětua.

Kětua yang pėrtama mēmėrintahkan bėr-  
buat bėgitu, kětua yang kėdua mēmėrintahkan  
bėrbuat bėgini.

Di-ėrtikan juga bagi sindiran wanita atau  
istėri yang churang, mēnduakan suami-nya.





### 43. SI-BUTA KĒHILANGAN TONGKAT.

Kiasan kapada sa-saorang yang bodoh tidak pula mahu bĕrusaha atau minta tunjok dari orang yang pandai, tĕntu sahaja akan mĕraba<sup>2</sup>.

Di-ibaratkan juga kapada sa-saorang yang biasa dalam kĕmewahan tiba<sup>2</sup> tĕrluchut dari pangkat atau kĕmewahan-nya, maka mĕraba-lah ia sapĕrti si-buta yang kĕhilangan tongkat-nya.






#### 44. SIAPA MAKAN LADA - DIA MÉRASA PÉDAS.

Dalam sa-suatu sindiran yang di-buat oleh sa-saorang, barang siapa yang mĕrasa tĕrsing-gong (rĕsan hati) maka orang itu-lah yang kĕna tĕpat dĕngan sindiran itu.

Di-ĕrtikan juga barang siapa yang bĕr-salah, dia-lah yang tĕrasa dĕngan sindiran itu.




45. SUDAH JATOH! DI-TIMPA TANGGA.

Di-ertikan kepada sa-orang yang di-timpa kēmalangan bērturut<sup>2</sup>, sudah-lah ia jatoh (kēmalangan pērtama) kēmudian di-timpa tangga pula (kēmalangan kēdua).

Pēribahasa yang sa-umpama itu:

“SUDAH MĒSKIN MĒLARAT PULA”





46. TELUNJOK LURUS  
KÉLINGKING BÉRKAIT.

Kiasan bagi orang yang pandai bĕrmuka<sup>2</sup>.  
Pada dzahir-nya ia bĕrbuat baik dan mĕnunjok-  
kan kĕlakuan dan pĕrangai-nya yang baik,  
tĕtapi di-sĕbalek kĕlakuan dan pĕrangai-nya  
yang baik itu, ada tujuan<sup>2</sup> jahat yang tĕrsĕmbunyi  
yang akan di-kĕnakan kapada orang yang di-buat  
baik itu.



47. TĒRLĒPAS DARI MULUT BUAYA  
MASOK KA-MULUT HARIMAU.

Di-ibaratkan kapada orang yang tĕraniaya bila tĕrlĕpas sahaja daripada satu kĕkĕjaman atau kĕzaliman, tiba2 tĕrmasok pula ka-dalam suatu pĕrangkap kĕkĕjaman yang lain-nya.

48. AYER YANG TĒNANG JANGAN  
DI-SANGKA TA'ADA BUAYA.

Orang yang kĕlihatan-nya baik tingkah laku dan lĕmah lĕmbut gĕrak gĕri-nya, jangan di-sangka ia tidak boleh mĕlakukan kĕjahatan.



Di-ibaratkan juga kepada orang<sup>2</sup> yang kelihatan-nya pëndiam dan kelihatan-nya saperti orang bodoh, tetapi rupa-nya ia mempunyai kēpandaian dan kēbolehan yang luar biasa.

Sama juga saperti pēpatah:

SAPERTI HARIMAU  
MĒNYĒMBUNYIKAN KUKU.  
DIAM<sup>2</sup> UBI . . . . . BĒRISI.




47. TĒRLĒPAS DARI MULUT BUAYA  
MASOK KA-MULUT HARIMAU.

Di-ibaratkan kapada orang yang tĕraniaya bila tĕrlĕpas sahaja daripada satu kĕkĕjaman atau kĕzaliman, tiba2 tĕrmasok pula ka-dalam suatu pĕrangkap kĕkĕjaman yang lain-nya.

48. AYER YANG TĒNANG JANGAN  
DI-SANGKA TA'ADA BUAYA.

Orang yang kĕlihatan-nya baik tingkah laku dan lĕmah lĕmbut gĕrak gĕri-nya, jangan di-sangka ia tidak boleh mĕlakukan kĕjahatan.





#### 49. TOLAK TANGGA BERAYON KAKI.

Di-ibaratkan pada orang<sup>2</sup> yang mēnolak  
tuah. Baik<sup>2</sup> ia dalam pēkerjaan yang sēnang  
tiba<sup>2</sup> di-buang-nya pēkerjaan itu dēngan ingatan  
ia akan dapat mēnchari pēkerjaan lain yang  
lēbeh sēuang. Pada hal sēgala yang di-harap<sup>2</sup>  
itu tidak bērjumpa dan sia<sup>2</sup> sahaja.

Hampir<sup>2</sup> sa-rupa dēngan pēpatah:

“YANG DI-KĒJAR TA'DAPAT,  
YANG DI-KENDONG KĒCHECHERAN”.



50. ULAR DI-PUKUL BIAR MATI  
KAYU PĒMUKUL JANGAN PATAH.

Sēbarang pĕkĕrjaan yang di-buat oleh sa-saorang itu hĕndak-nya jangan-lah di-buat dĕngan pĕnat dan sia<sup>2</sup> sahaja. Buat-lah dĕngan sĕmpurna dan bĕrfaedah.

Pĕpatah ini hampir<sup>2</sup> sa-rupa dĕngan pĕpatah:

“IKAN BIAR DAPAT

SĒRAMPANG JANGAN PATAH”.